

**Teks Ucapan Perasmian
Konvensyen Kontraktor 2024**

by

**Yang Berbahagia
Dato' Seri Azman bin Ibrahim
Ketua Setiausaha**

**Tema:
Mengeksplorasi Peluang dan Mencipta Kejayaan Di Dalam
Industri Pembinaan**

22 Oktober 2024

**Bersempena
*International Construction Week (ICW) 2024***

**Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)
Jalan Duta, Kuala Lumpur**

Salutasi akan disediakan pada hari majlis

Assalamualaikumwarahmatullah w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang dihormati para hadirin, wakil-wakil CIDB, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, serta semua peserta Konvensyen Kontraktor 2024,

1) Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana, dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita semua berkumpul di dewan Malaysian International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada hari ini bagi menghadiri Konvensyen Kontraktor 2024.

2) Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penganjur, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), atas usaha padu menggembeleng tenaga untuk menganjurkan program Konvensyen Kontraktor 2024 ini, yang kali keduanya dianjurkan bersempena International Construction Week (ICW) bagi menyediakan wacana khas buat kontraktor-kontraktor tempatan khususnya kontraktor kecil generasi baru menambah ilmu

pengetahuan dan melengkapkan kemahiran dalam mendepani cabaran revolusi industri pembinaan masa kini.

3) Dengan tema "Mengeksplorasi Peluang dan Mencipta Kejayaan dalam Industri Pembinaan", saya yakin konvensyen ini menyediakan platform yang sangat penting bagi para kontraktor untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan merangka strategi bagi menghadapi cabaran semasa dan masa depan dalam sektor pembinaan.

Hadirin yang saya hormati,

4) Industri pembinaan Malaysia memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kita tidak boleh menafikan bahawa sektor ini adalah tulang belakang kepada pembangunan infrastruktur negara yang menyokong segala aspek pembangunan sosial dan ekonomi. Sebagai kontraktor, anda adalah pemangkin kepada pembangunan ini.

5) Namun, kita harus sedar bahawa industri pembinaan kini berdepan dengan pelbagai cabaran baru, termasuk perubahan pesat penggunaan teknologi, peningkatan kesedaran dan tuntutan terhadap kelestarian alam sekitar dan persaingan di peringkat antarabangsa melalui liberalisasi dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) selaras dengan permintaan dan keperluan global.

Sidang Hadirin yang saya hormati,

6) Bagi meningkatkan prestasi serta daya saing industri pembinaan negara, Kementerian Kerja Raya telah memperkenalkan Dasar Pembinaan Negara (National Construction Policy atau NCP) 2030.

7) NCP 2030 bukan sahaja fokus kepada pembangunan infrastruktur, tetapi juga mengutamakan pembangunan modal insan, keberkesanan penggunaan sumber dan tanggungjawab sosial korporat. Dengan visi ini, kita berhasrat untuk menjadikan sektor pembinaan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara dan sebagai pencipta peluang pekerjaan yang mampan. Dasar ini adalah komitmen kita untuk memperkukuh sektor pembinaan Malaysia

melalui prinsip kelestarian, inovasi dan kualiti. Ia bertujuan untuk membina industri pembinaan yang lebih berdaya saing, selaras dengan aspirasi negara kita.

8) Antara yang digariskan dibawah teras Peningkatkan Produktiviti Pembinaan NCP 2030, adalah transformasi digital dengan menekankan kepentingan pengintegrasian teknologi digital dan inovasi dalam proses pembinaan untuk meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan daya saing industri. Penggunaan teknologi seperti Building Information Modelling (BIM), Internet of Things (IoT), dan Kecerdasan Buatan (AI) kini telah menjadi satu keperluan dan bukan lagi pilihan.

9) Building Information Modelling (BIM) sebagai contoh merupakan teknologi yang membolehkan pemodelan 3D dan pengurusan maklumat projek secara bersepadu, meningkatkan kerjasama antara pelbagai pihak dan mengurangkan kesilapan. Dron pula telah digunakan untuk pemantauan tapak pembinaan, pengukuran dan pengambilan gambar udara yang membantu dalam perancangan dan pengawasan projek.

10) Manfaat Automasi dan Robotik membuktikan bahawa penggunaan robot untuk tugas seperti penggerudian, pengukuran dan pengendalian bahan yang meningkatkan produktiviti dan mengurangkan risiko kemalangan. *Augmented reality (AR) dan virtual reality (VR)* pula membolehkan klien melihat dan merasai reka bentuk projek sebelum pembinaan dimulakan, serta dapat membantu dalam latihan dan simulasi pekerjaan kepada para pekerja.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11) Selain daripada kepentingan penggunaan teknologi dan inovasi dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam usaha kita mencari rezeki, kita juga tidak boleh mengabaikan tanggungjawab kita sebagai kontraktor, dan khususnya sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh ALLAH mendiami bumi dan menjaga kesejahteraan bumi ini.

12) *World Economic Forum* (WEF) dalam *15th Annual Meeting of the New Champions di China* pada 25-26 Jun lalu menegaskan bahawa sektor pembinaan memainkan peranan penting dalam memerangi perubahan iklim, memandangkan ia menyumbang 37% kepada pembebasan karbon global.

13) Sektor ini dikenali sebagai "*harder-to-abate sector*" kerana sukar untuk mengurangkan emisi gas rumah kaca disebabkan ketergantungan yang tinggi terhadap bahan seperti besi, keluli dan simen. Selain itu, pengurusan sisa pembinaan yang tidak berkesan juga boleh menyebabkan pencemaran dan merosakkan habitat semulajadi. Oleh itu, langkah segera perlu diambil oleh sektor pembinaan untuk menangani ancaman dan risiko ini.

14) NCP 2030 menyarankan kelestarian dan kemampunan alam sekitar melalui pembinaan hijau. Ini termasuk memastikan semua projek mematuhi prinsip pembinaan hijau dengan menggunakan bahan mesra alam dan tenaga boleh diperbaharui, serta mengimplementasikan pengurusan sisa yang berkesan untuk meminimumkan pencemaran. Selain itu, penggunaan teknologi yang

meningkatkan kecekapan tenaga, melindungi habitat semula jadi dan meningkatkan kesedaran melalui program latihan juga ditekankan.

15) Dalam hal ini saya ingin menyentuh mengenai potensi sumber tenaga baharu yang berupaya menggalakkan pembangunan yang lestari iaitu sumber “tenaga-boleh-diperbaharui atau digelar sebagai *“Renewable Energy”*. Ia merupakan sumber tenaga yang dapat dihasilkan semula secara semula jadi dan biasanya mempunyai kesan yang lebih rendah terhadap alam sekitar berbanding dengan sumber tenaga fosil.

16) Justeru, tuan-tuan dan puan-puan hadirin hadirat sekalian, anda perlu meneroka dan mendalami peluang berkaitan ‘*renewable energy*’ dan teknologi hijau dan bagaimana ianya boleh diterapkan dalam projek pembinaan. Bermula daripada rekabentuk bangunan hijau, penggunaan kepelbagaian sumber *Renewable Energy* seperti tenaga solar, tenaga hidro, tenaga biomass, tenaga geoterma dan sebagainya dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga fosil yang terhad serta mengurangkan pencemaran dan seterusnya dapat membantu kearah mengurangkan pemanasan global.

Sidang hadirin sekalian,

17) Di setiap cabaran, pastinya akan terselit peluang. Walaupun dituntut untuk memenuhi keperluan pembinaan hijau oleh Dasar Kerajaan, pelaksanaan pembinaan hijau yang diamalkan oleh Syarikat tuan-tuan dan puan-puan pula akan dapat meningkatkan potensi mendapatkan pelaburan dan pembiayaan bagi meneruskan kelangsungan bisnes tuan-tuan dalam sektor ini.

18) ESG atau *Environment, Social and Governance* merupakan 1 kerangka yang diperkenalkan diperingkat global untuk mengukur prestasi dan tahap pencapaian sesebuah entiti perniagaan dalam melaksanakan inisiatif kelestarian dari aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus ke arah 17 matlamat yang ditetapkan di bawah *Sustainable Development Goals* (SDGs) bagi mencapai kesejahteraan global dan kelestarian alam sekitar menjelang tahun 2030.

19) Justeru, syarikat dengan skor ESG yang tinggi dilihat lebih berdaya tahan dan lebih baik dalam mengurus risiko alam sekitar dan social, serta beroperasi secara mampan dan bertanggungjawab dan

ini akan mendapat menarik perhatian para pelabur dan agensi pembiayaan untuk membuat pelaburan ke atas Syarikat tersebut.

20) Saya menyeru dan menggesa semua kontraktor untuk mencari ilmu, meningkatkan pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan perkara ini bagi mempersiapkan diri dalam mendepani dasar dan keperluan untuk mengadaptasi ESG pada masa akan datang, disamping ia dapat melonjakkan nama dan prestasi Syarikat tuan puan sekalian sekiranya tuan puan yang lebih awal beradaptasi dengannya.

Para hadirin yang dihormati,

21) Selain fokus kepada teknologi dan kelestarian, pembangunan modal insan turut menjadi agenda utama kerajaan. NCP 2030 dan pelbagai inisiatif CIDB seperti Program Pembangunan Tenaga Kerja dan Latihan adalah selaras dengan usaha untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja dalam sektor pembinaan.

22) Saya menyeru para kontraktor untuk terus melabur dalam peningkatan kemahiran tenaga kerja anda melalui program-program latihan dan kerjasama dengan pusat-pusat Latihan seperti Akademi

Binaan Malaysia (ABM). Tenaga kerja yang mahir adalah kunci kepada kejayaan dalam menghadapi cabaran industri pembinaan masa hadapan.

23) Tidak kurang pentingnya adalah pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Sebagai kontraktor, pematuhan kepada piawaian, garis panduan keselamatan dan tadbir urus yang baik adalah asas kepada kejayaan projek yang berkualiti. Saya menggalakkan semua pihak untuk menekankan kepentingan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek operasi anda. Melalui pematuhan yang ketat, kita bukan sahaja memastikan keselamatan di tapak pembinaan, tetapi juga meningkatkan reputasi kontraktor di peringkat antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

24) Sepertimana yang telah saya sampaikan pada permulaan ucapan, semua saranan dibawah NCP 2030 adalah tidak lain dan tidak bukan untuk mengangkat dan memperkasa tahap kelestarian, inovasi

dan kualiti sektor pembinaan Malaysia selaras dengan dasar Kerajaan dan piawaian global.

25) Walaubagaimanapun, saya ingin membawa perhatian para kontraktor sekalian bahawa 1 faktor penting yang tidak boleh kita abaikan adalah cabaran liberalisasi melalui penyertaan Malaysia dalam Free Trade Agreements (FTA) seperti CPTPP dan MEEPA yang telah membuka ruang dan peluang kepada kontraktor asing menyertai perolehan Kerajaan di negara kita. Ini perlu dijadikan pemangkin dan faktor utama yang mendesak anda semua mempertingkatkan daya saing melalui teknologi, inovasi dan adaptasi amalan terbaik dunia dalam setiap aspek operasi anda supaya anda juga boleh merebut peluang bersaing di peringkat antarabangsa dan mempelajari sistem pengurusan dan teknologi yang lebih maju dan terkehadapan dari negara-negara tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan

26) Kita tidak dapat menafikan bahawa sektor pembinaan berdepan dengan pelbagai cabaran. Namun, setiap cabaran juga membuka

ruang untuk kita mencipta kejayaan. Dengan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, kita dapat memperkasakan kontraktor tempatan, khususnya kontraktor kecil generasi baru dan memastikan kelangsungan industri kita. Konvensyen ini adalah platform yang tepat untuk anda meneroka peluang baru, belajar daripada rakan industri, dan mencipta jaringan perniagaan yang lebih kuat.

27) NCP 2030 telah menyediakan kerangka yang jelas untuk masa depan industri ini. Marilah kita sama-sama berusaha ke arah mencapai visi NCP 2030. Saya percaya bahawa melalui dialog dan kolaborasi yang berkesan, kita dapat mencipta sebuah industri pembinaan yang lebih inklusif dan mampan dan mampu membawa industri pembinaan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

28) Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Kontraktor Pembinaan Malaysia pada hari ini dengan 2 rangkap pantun.

Pohon meranti tegak berjajar,
Ditiup angin di waktu petang,
Konvensyen kontraktor peluang belajar,

Mencipta kejayaan, langkah gemilang.

Layar terkembang kapal belayar,
Menuju pelabuhan melewati tunggul,
Peluang dikongsi luas tersiar,
Pantaslah rebut dan kekal unggul.

Sekian, terima kasih.